

Unsur Alam dan Masyarakat dalam Teks Terjemahan Bahasa Melayu Surah ar-Rahman

The Elements of World and Society in Malay Translated Version of Surah ar-Rahman

SALINAH JAAFAR

ABSTRAK

Unsur alam amat berkait rapat dengan dunia dan pemikiran masyarakat Melayu. Perlambangan alam seringkali digunakan untuk mengungkapkan pelbagai idea dan maksud tentang amalan, pegangan dan budaya kehidupan masyarakat Melayu. Setiap peristiwa dan perkara yang berlaku di sekeliling kehidupan manusia tidak mungkin dapat dipisahkan dengan alam. Kehidupan masyarakat pula adalah berlandaskan agama. Masyarakat Melayu yang secara umumnya digolongkan sebagai orang yang beragama Islam dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan. Bagi memahami Islam masyarakat Melayu belajar membaca al-Quran dan bagi memahami makna setiap bait dalam al-Quran pula dibuat terjemahan ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan ke dalam bahasa Melayu bukan sahaja memudahkan penganut agama Islam memahami maksud setiap ayat, tetapi juga membantu dalam menghayati ajaran agama Islam itu sendiri. Surah ar-Rahman terdiri daripada 78 ayat yang mengandungi banyak unsur alam. Hampir semua ayat dalam surah ini dikaitkan dengan alam. Setiap aspek yang dihuraikan dalam surah ini banyak berkisar tentang peri pentingnya hubungan Pencipta dengan manusia dan alam. Kertas ini akan meneliti teks terjemahan surah ar-Rahman dalam bahasa Melayu dan mengaitkan bagaimana unsur alam dan masyarakat yang diterjemahkan dapat difahami. Objektif kajian adalah untuk melihat sejauh mana terjemahan yang dilakukan dalam bahasa Melayu dapat memenuhi sistem budaya masyarakat Melayu terhadap lingkungan alam sekeliling.

Kata kunci: Surah ar-Rahman; alam; masyarakat; budaya; makna

ABSTRACT

World and nature elements are closely related to the world view of Malay community. Natural symbolism is often used to reveal various ideas and intentions of the world and culture. Every event and thing that happens around human life can not be separated from nature. Community life is based on religion. The Malays are generally classified as Muslims and practice the teachings of Islam in life. To understand Islam Malay people learn to read the Quran and in order to understand the meaning of every verse in the Quran, a translation is made into Malay. Translation into Malay does not only facilitate the followers of Islam to understand the meaning of each verse, but also to help them in appreciating the teachings of Islam itself. Surah ar-Rahman consists of 78 verses containing many elements of nature. Almost all the verses in this chapter are related to nature. Every aspect described in this chapter is much about the importance of the Creator's relationship with man and nature. This paper will examine the translation text of the ar-Rahman surah in Malay language and relate how the

translated elements of nature and society being perceived and understood. The objective of the study was to see the extent of translation in Malay language fulfilling the surrounding system of Malay culture.

Keywords: Surah ar-Rahman; nature; society; culture; meaning

PENGENALAN

Manusia dan alam mempunyai hubungan yang sangat erat yang tidak mungkin dapat dipisahkan. Tanpa alam manusia tidak akan wujud di dunia ini. Tenas Effendy (2010: 207) mengatakan bahawa alam memainkan peranan yang amat besar dalam hidup dan kehidupan manusia berserta makhluk-makhluk lainnya di permukaan bumi ini. Itulah sebabnya orang tua-tua Melayu mengingatkan “bersama alam, manusia hidup dan tenggelam”. Ajaran Islam yang menjadikan manusia sebagai “Khalifah” di muka bumi ini, menyebabkan masyarakat Melayu untuk terus-menerus memerhatikan dan memelihara alam sekitar, sebagai cerminan tanggungjawab mereka memegang amanah sebagai “Khalifah”. Penghayatan terhadap agama banyak dipengaruhi oleh pemahaman seseorang terhadap ajaran dan juga ilmu yang diperoleh dalam memahami agama. Dewasa ini telah banyak usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan mahupun swasta dalam memastikan peningkatan pemahaman masyarakat terhadap isi kandungan hadis dan al-Quran. Tidak dapat dinafikan bahawa pada masa kini telah banyak hasil terjemahan hadis dan al-Quran telah dibukukan dan diterbitkan untuk rujukan orang ramai.

Terjemahan kitab suci al-Quran ke dalam bahasa Melayu bertujuan meningkatkan lagi penghayatan dan pemahaman masyarakat Melayu yang beragama Islam terhadap amalan dan juga cara hidup Islam. Keperluan untuk mendalami isi kandungan al-Quran menjadikan kitab-kita yang berbentuk terjemahan ini semakin diminati. Bidang terjemahan pula adalah satu bidang yang penting dalam memastikan ilmu dan pendidikan dapat dilestarikan. Lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan agama yang melibatkan terjemahan al-Quran dan hadis. Tenas Effendy (2010: 1) mengatakan bahawa ajaran Islam yang menjadi asas budaya Melayu, mengingatkan pula bahawa manusia di permukaan bumi ini adalah sebaik-baik makhluk ciptaan Allah, dilengkapi dengan akal fikiran dan hati nurani, serta dijadikan “Khalifah” yang bertanggungjawab

terhadap wujudnya kehidupan yang aman damai, sejahtera lahiriah dan batiniahnya. Kehidupan di dunia dan akhirat juga adalah berlandaskan kepada kewujudan alam yang diciptakan Allah. Sama seperti mana yang terkandung dalam al-Quran, alam yang diciptakan oleh Allah SWT ini menjadi sumber ilmu pengetahuan dalam segenap hal yang terjadi.

ALAM DAN MASYARAKAT MELAYU

Budaya masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sumber pendidikan dan pembentukan sahsiah manusia telah wujud sejak dulu lagi. Masyarakat Melayu tradisional melihat alam sebagai sumber yang mengandungi pelbagai makna yang boleh dijadikan panduan, ajaran dan juga sebagai pembimbing dalam meneruskan kehidupan. Pepatah orang Minangkabau ada menyebut “alam takambang jadi guru” merujuk kepada bagaimana mereka menjadikan alam sebagai ajaran dan pandangan (falsafah) hidup yang digambarkan dengan perkataan. Perkataan yang digunakan itu dijadikan pedoman untuk manusia dalam sebarang tindakan ataupun perilaku. Muhamad Arif Ahmad (1991) mengatakan bahawa dalam kata pusaka (disebut *kato pusako*):

Penakik pisau si raut (*Penukiak pisau si rauik*)
Ambil galah batang lintabung (*Ambiak galah batang lintabuang*)
Seludang ambil ke nyiru (*Silodang ambiak ka nyiru*)
Setitik jadikan laut (*Satitiak jadikan lauik*)
Sekepal jadikan gunung (*Sakapa jadikan gunuang*)
Alam terkembang jadikan guru (*Alam takambang jadi guru*)

Berdasarkan kata pusaka di atas orang Melayu menganggap adat itu sebagai suatu ketentuan alam [seperti: siang terang, malam kelam, api panas, air cair.. yang bermain api akan terbakar, yang bermain air pasti basah...] menilai adat itu sebagai aturan atau disiplin yang harus wujud untuk memelihara kesejahteraan hidup manusia, kerana mereka tahu bahawa tanpa peraturan dan disiplin yang teraku, manusia dan haiwan sukar dibezakan. Menurut terombo adat perpatih, pertumbuhan adat itu berdasarkan kebenaran dunia atau logika yang selaras dengan kejadian alam, seperti yang dinyatakan talibun adat (Muhamad Arif Ahmad 1991: 33)

Penggunaan sumber alam sebagai perlambangan adat dalam masyarakat Melayu menjadikan bahasa Melayu begitu indah. Kata perlambangan adat yang dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan memasukkan unsur-unsur alam sebagai sebahagian daripada keperluan kehidupan manusia. Misalnya, kata perlambangan adat yang terkandung dalam artikel Muhamad Hanapi Jamaludin (2015) di bawah:

Yang lunak dibuat benih (*nan lunak ditanam banaih*)

Yang keras dibuat lading (*nan kareh dibuek lading*)

Yang berair dilepaskan itik (*nan bancah palapeh itiak*)

Renangan ditebat ikat (*ganangan ka tabek ikan*)

Bukit batu ditambang emas (*bukik batu ka tambang ameh*)

Padang luas tempat berternak (*padang laweh bakeh taranak*)

Ke rimba berbunga kayu (*ka rimbo babungo kayu*)

Ke sungai berbunga pasir (*ka sungai babungo pasie*)

Ke laut berbunga karang (*ka lauik babungo karang*)

Masyarakat Melayu melihat alam itu sebagai sesuatu yang amat rapat dengan jiwa dan hati nurani. Alam dijadikan sebagai perlambangan dalam membersihkan hati dan jiwa. Penggunaan unsur alam sebagai perumpamaan, kiasan, tamsilan, perlambangan dalam membersihkan hati dan jiwa memperlihatkan bahawa unsur alam masih mempunyai erti yang begitu tinggi dalam masyarakat Melayu. Banyak perbincangan ilmiah yang telah dihasilkan dalam memperkatakan unsur alam dalam bahasa Melayu itu sendiri dari pelbagai aspek. Antara kajian yang pernah dihasilkan ialah kajian Imran Ho Abdullah dan Ruzy Suliza Hashim (2009), yang mengkaji tentang konsep *alam* yang ditakrif berlandaskan semantik kognitif. Mereka melihat *alam* sebagai sejagat (alam as 'universe') misalnya *alam semesta*, *alam ghaib*, *alam barzakh*, *alam akhirat*, *alam baqa*, *alam* sebagai alam dunia (alam as a 'world') dengan memberi beberapa contoh seperti *alam kerohanian*, *alam kebendaan*, *alam tampak*, *alam fizikal* dan *alam insan*, *alam* sebagai alam persekitaran (alam as 'environmental') misalnya *pencemaran alam sekitar*, *alam sekitar*, *maklumat alam sekitar*, *pengurusan alam sekitar*, *sains alam sekitar* dan *akta perlindungan alam sekitar*, *alam* sebagai lingkungan atau domain (alam as 'kingdom' or 'domain') contohnya *alam tumbuhan*, *alam biologi*, *alam budaya*, *alam Minangkabau* dan *alam* sebagai ruang (alam as 'temporal/ sphere') misalnya *alam persekolahan*, *alam kanak-kanak* dan *alam keibuan*.

Berdasarkan premis yang sama, iaitu berlandaskan semantik kognitif Nor Hashimah Jalaluddin (2011) mengkaji aspek alam dikaitkan dengan kognitif masyarakat Melayu. Beliau menggunakan pendekatan semantik kognitif untuk membincangkan proses peluasan makna yang berlaku dalam kata *alam* di samping menjelaskan motivasi kognitif yang mendasari pelahiran makna-makna baharu seperti yang terdapat dalam data korpus. Di samping pelbagai kajian dan penelitian terhadap konsep alam ini dibuat oleh sarjana, namun kajian terhadap persepsi alam dalam kitab terjemahan al-Quran masih belum ditemui.

Muhamad Hanapi Jamaludin (2015) yang mengkaji falsafah alam dalam bahasa dan budaya Minangkabau telah meneliti falsafah dan pemikiran Hamka. Menurut Muhamad Hanapi Jamaludin, Hamka sendiri sering mengaitkan kehidupan manusia dengan alam, seperti yang disebut oleh beliau “Alam terbentang luas dan manusia hidup di dalamnya. Dengan pancaindera dan akal yang ada padanya, manusia dapat mempersaksikan Alam itu dalam segala sifat dan lakunya. Ada kebesaran, keajaiban dan keindahan, dan ada perubahan-perubahan yang tetap. Kehidupan manusia itu sendiri tidak dapat diceraikan dengan Alam itu. Maka yang mula-mula timbul pada manusia itu adalah perasaan bahawa ada sesuatu yang menguasai Alam ini. Dia yang mengatur dan yang menyusun perjalanannya. Dia yang menjadikan segalanya. Dia Yang Maha Kuasa itu meratalah pada segenap manusia”. Sebelum kedatangan Islam masyarakat Melayu sememangnya telah menggunakan alam sekeliling sebagai mencari jawapan tentang kewujudan Tuhan. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu menjadikan alam sekeliling sebagai budaya kehidupan. Setiap benda yang wujud di sekeliling mereka dianggap sebagai mewakili satu kuasa besar yang mewujudkan kehidupan. Oleh sebab itu, masyarakat lama menjadikan pokok besar sebagai tempat yang mempunyai kuasa, sungai dilihat sebagai sumber rezeki yang menyediakan makanan yang perlu dihormati, gunung-ganang, dan segala keajaiban alam dianggap sebagai sesuatu yang mempunyai kuasa di sebaliknya. Proses mencari pencipta akhirnya mendapat jawapan apabila agama Islam mula disebarkan di Tanah Melayu.

Kedatangan agama Islam secara tidak langsung mengubah pandangan hidup masyarakat Melayu, namun pandangan mereka terhadap alam masih tetap tidak berubah. Bahasa Melayu sendiri banyak menggunakan unsur alam dalam

memperkirakan pelbagai aspek. Kedatangan Islam membawa ajaran yang berpandukan al-Quran, maka usaha untuk menterjemah kitab suci al-Quran ke dalam bahasa Melayu turut dibuat. Mengikut sejarah kitab al-Quran pertama kali di terjemah ke dalam bahasa Melayu (Indonesia) pada abad ke-17 Masihi oleh Abdul Ra'uf Fansuri. Abdul Ra'uf menimba ilmu di Arab Saudi sejak 1640 dan kembali ke tanah air pada 1661. Ulama terkemuka itu lalu menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Melayu dalam tafsir "*Tarjuman Al-Mustafid*". Tafsir al-Quran pertama di Nusantara itu disambut umat Islam yang bersemangat mempelajari dan memahami isi ajaran al-Quran. Selain di Indonesia, tafsir tersebut juga digunakan oleh umat Islam di Singapura dan Malaysia. Tafsir itu pernah diterbitkan di Singapura, Pulau Pinang, Bombay, Istanbul (Matba'ah al-usmaniah, 1302 H/1884 M dan 1324 H/ 1906 M), Kaherah (Sulaiman al-Maragi), serta Makkah (al-Amiriah) (Nidia Zuruya 2012).

Sehingga ke hari ini telah terhasil banyak terjemahan al-Quran yang dibuat dalam bahasa Melayu. Kitab yang di terjemah ini pula telah dikaji dan diterbitkan oleh pelbagai penerbit mengikut fahaman dan gaya masing-masing. Tuntutan ilmu dan keinginan untuk memahami isi kandungan al-Quran telah menjadikan banyak versi kitab terjemahan bahasa Melayu ada di pasaran. Kitab yang di terjemah ini sentiasa dikemas kini bagi menepati keperluan semasa. Bahasa yang digunakan dalam menterjemah kitab al-Quran pula semakin hari semakin bertambah baik sesuai dengan perkembangan zaman. Sehubungan dengan itu, kertas ini akan meneliti terjemahan unsur alam dan masyarakat yang ada dalam terjemahan surah ar-Rahman yang diambil dari Kitab Terjemahan Uthmaniah dan juga terjemahan yang diakses secara atas talian bagi melihat bagaimana bahasa yang digunakan dalam terjemahan bahasa Melayu surah ar-Rahman dapat menepati maksud budaya dan masyarakat Melayu.

Surah ar-Rahman adalah surah ke-55 dalam al-Quran. Surah ini tergolong surat Makkiyah, terdiri atas 78 ayat. Dinamakan ar-Rahman yang bererti Yang Maha Pemurah berasal dari kata ar-Rahman yang terdapat pada ayat pertama surah ini. Ar-Rahman adalah salah satu dari nama-nama Allah. Sebahagian besar dari surah ini menerangkan sifat Allah SWT yang maha pemurah kepada hamba-hamba-Nya, iaitu dengan memberikan nikmat-nikmat yang tidak terhingga baik di dunia mahupun di akhirat nanti. Ciri khas surah ini adalah ayat berulang sebanyak 31 kali bermula dari ayat ke-16 yang bermaksud "Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu

dustakan?” yang terletak di akhir setiap ayat yang menjelaskan nikmat Allah yang diberikan kepada manusia kelak. Aspek pengulangan dalam bahasa sememangnya bertujuan sebagai penegas dan pengukuhan kepada perkara atau benda yang dibicarakan. Pengulangan ayat ini jelas menunjukkan bahawa sifat manusia yang perlu sentiasa diberi peringatan supaya mereka sentiasa mengingati kekuasaan Allah dan bersyukur dengan segala rahmat dan kurniaan Allah. Tafsir al-Quran (2010: 524) sendiri menyatakan bahawa pengulangan ini bertujuan supaya manusia mengakui, bahawa nikmat Allah itu tidak terhitung banyaknya kepada manusia. Oleh sebab itulah kita sentiasa diingatkan supaya kita tidak patut mendustakan nikmat tersebut yang sememangnya jelas dan nyata.

UNSUR ALAM DALAM SURAH AR-RAHMAN

Tidak dapat dinafikan bahawa surah ar-Rahman adalah surah yang amat istimewa. Penggunaan bahasa yang berulang-ulang menjadikan surah ini seperti satu nyanyian yang apabila dibaca amat menusuk ke dalam jiwa. Penggunaan unsur alam yang digunakan dalam surah ini menunjukkan bahawa unsur alam amat penting dalam membentuk akhlak Islamiah dan juga penting dalam memahami kekuasaan Allah SWT dan juga sebagai panduan dalam menghargai nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Alam yang dimaksudkan dalam terjemahan surah ar-Rahman ini meliputi alam manusia, tumbuhan, haiwan, alam akhirat, alam jin dan alam dunia.

Unsur alam yang dinyatakan dalam teks terjemahan Bahasa Melayu surah ar-Rahman memperlihatkan makna yang sungguh jelas akan hubungan antara alam dengan manusia. Ayat 5 yang terjemahannya berbunyi “*matahari dan bulan beredar mengikut perhitungan (matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu)*” jelas menggambarkan bahawa dalam hidup manusia yang harus mengikut peraturan kerana berdasarkan lumrah alam itu sendiri yang bergerak mengikut peraturan yang telah Allah tetapkan. Peraturan inilah yang diikuti oleh penganut agama Islam dalam mengatur kehidupan siang dan malam. Seperti mana konsep alam yang terkandung dalam pemikiran Melayu “alam terkembang jadikan guru”, maka setiap peredaran masa itu direfleksikan melalui peraturan dan peredaran matahari dan bulan. Terjemahan yang diberikan adalah jelas dan mudah difahami. Ayat 6 “*Dan tumbuh-tumbuhan dan pohon-pohon tunduk kepada-Nya (dan tumbuh-*

tumbuhan yang melata serta pohon-pohon kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturannya)” menjelaskan bahawa dalam kewujudan alam ciptaan Allah yang dikurniakan juga segala keperluan manusia dalam bentuk pokok dan tumbuh-tumbuhan yang digambarkan turut taat kepada kekuasaan Allah SWT. Ayat 6 ini menguatkan lagi hujah mengenai peraturan dan hukum alam yang juga merupakan makhluk ciptaan Allah.

Lebih menarik lagi hukum dan perundangan turut dinyatakan dalam ayat 7 yang diletakkan antara langit dan bumi. Terjemahan ayat 7 yang berbunyi “Dan langit telah ditinggikan-Nya serta dia meletakkan neraca (mengadakan undang-undang dan peraturan dengan adil” adalah gambaran tentang dalam kehidupan yang Allah SWT kurniakan ada pembalasan baik dan buruk, maka manusia haruslah beringat dan bertindak mengikut keadilan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Tenas Effendy bahawa manusia hidup di dunia ini sebagai “khalifah”, maka penggunaan unsur langit dan bumi dan juga neraca keadilan dalam terjemahan tersebut amat sesuai dengan peranan manusia yang akan menerajui kehidupan, bukan sahaja hidup manusia itu sendiri tetapi juga berkaitan dengan alam sekeliling yang menjadi keperluan dalam segenap kehidupan. Sesuai dengan apa yang diperkatakan oleh Hamka bahawa “*Kehidupan manusia itu sendiri tidak dapat diceraikan dengan Alam itu. Maka yang mula-mula timbul pada manusia itu adalah perasaan bahawa ada sesuatu yang menguasai Alam ini*” (Muhamad Hanapi Jamaludin 2015: 73). Perasaan tentang ada sesuatu yang menguasai alam inilah yang membentuk pemikiran masyarakat Melayu tentang wujudnya kuasa yang mencipta alam. Sebelum Islam, masyarakat Melayu melihat alam sebagai punca kekuasaan yang mewujudkan kehidupan, maka mereka menyembah api, pokok, dan apa saja yang dilihat mempunyai kuasa. Gambaran tentang kuasa yang menjadi Pencipta inilah menjadikan Islam dapat memenuhi jiwa dan pemikiran masyarakat Melayu yang sebelum ini sememangnya sentiasa mencari kebenaran tentang kejadian dan kewujudan kehidupan.

Ayat 10, 11 dan 12 yang diterjemahkan sebagai “*Dan bumi dihamparkan-Nya untuk makhluk-Nya. Di bumi itu ada buah-buahan dan pohon kurma yang mempunyai kelopak mayang. Dan biji-bijian ada kulitnya dan bunga yang harum. (Dan bumi pula dijadikan-Nya rata untuk kegunaan manusia dan makhluk-makhluk-Nya yang lain. Terdapat padanya berbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon kurma yang ada*

kelopak-kelopak mayang. Demikianlah juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun, dan terdapat lagi bunga-bunga yang harum). Ayat-ayat ini juga masih berkisar tentang alam, yaitu alam bumi yang dihamparkan oleh Allah SWT untuk menjadi tempat tinggal manusia dan juga makhluk yang lain. Gambaran tentang bumi yang dijadikan Allah lengkap pula dengan tumbuh-tumbuhan yang pelbagai jenis sebagai sumber kehidupan dan juga makhluk yang lain yang wujud di atas muka bumi ini. Masyarakat Melayu sendiri amat rapat dengan dunia pertanian, bahkan ruang taman di sekeliling rumah-rumah Melayu tradisional sentiasa mempunyai pelbagai tanaman untuk kegunaan sendiri dan juga haiwan ternakan. Walaupun kurma bukan merupakan buah tempatan, namun setelah kedatangan agama Islam, masyarakat Melayu adalah sangat rapat dengan buah kurma, terutama pada bulan Ramadhan.

Kejadian alam bumi yang diisi dengan pelbagai tumbuhan ini sebenarnya amat rapat dengan jiwa masyarakat Melayu itu sendiri, seperti mana yang dinyatakan oleh Tenas Effendi (2010: 207) tentang kehidupan masyarakat Melayu “rumah beratur dusun dikongkong, halaman luas ladang bersambung”. Rumah-rumah Melayu tradisi jika diperhatikan, sememangnya lengkap dengan dusun dan ladang sebagai bekalan makanan untuk hidup. Konsep alam ini juga turut dibahaskan oleh Zainal Kling (2004:41) kebiasaan dan ketetapan corak kehidupan kelompok manusia tidak hanya ditentukan oleh sifat saling bertindak balas sesama mereka saja, tetapi juga ditentukan oleh kesatuan dengan alam atau kebiasaan sikap terhadap alam di tempat manusia itu tinggal dan berusaha mencari kehidupan. Setiap hari, secara tetap manusia mencari rezeki dari sumber-sumber alam (dan juga jasa), baik siang mahupun malam, juga menurut perjalanan matahari dan bulan, turun naik dan pasang surut air laut, dan juga ketetapan perubahan musim hujan, panas, dan angin. Di daerah-daerah di luar Khatulistiwa, bahkan dikenal empat musim, iaitu: panas, daun gugur, dingin, dan semi. Sifat alam yang sangat tetap ini menetapkan pula perilaku manusia, yang berhubung dengan keadaan alamnya untuk dapat menentukan aturan hidup dan mencari sumber rezeki.

Dinyatakan juga asal usul kejadian manusia dan jin yang juga dicipta dari alam itu sendiri. Ayat 14 dan 15 yang terjemahannya berbunyi “*Dia telah menciptakan manusia dari tanah liat seperti tembikar. Dan menciptakan jin daripada lidah api (Allah telah menciptakan manusia (lembaga Adam) dari tanah liat kering seperti*

tembikar. Dan Allah juga telah menciptakan jin dari lidah api yang menjulang-julang). Manusia dan jin diciptakan Allah dari unsur alam itu sendiri, iaitu dari tanah dan api. Diberikan perumpamaan bahawa penciptaan manusia seperti mana tanah liat dijadikan tembikar, penciptaan jin pula dari api yang menyambar menunjukkan betapa besarnya kuasa yang ada pada Allah SWT. Pemilihan perkataan tanah liat seperti tembikar adalah bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu yang sememangnya sudah biasa dengan tanah liat ini. Kejadian jin yang dicipta daripada api pula ada kaitan dengan kosmologi Melayu tentang dunia jin itu sendiri. Asal-usul manusia dan jin yang dijadikan daripada tanah liat dan api ini juga merupakan gambaran kekuasaan Allah yang maha besar, yang maha pencipta lagi maha mengetahui.

Titik perbezaan, pertemuan jodoh, ajal dan maut juga terkandung dalam teks tersebut. Manusia diajar tentang jodoh pertemuan yang ditentukan oleh Allah. Ayat 17 yang terjemahannya berbunyi "*Tuhan (yang menentukan) kedua-dua tempat terbit matahari dan tempat terbenamnya (pada musim panas dan musim sejuk) menggambarkan bahawa setiap kejadian itu ada titik permulaan dan akhirnya. Matahari yang terbit akan terbenam.* Begitu juga dengan ayat 19 dan 20 yang terjemahannya berbunyi "*Dibiarkan-Nya dua laut itu bertemu (laut masin dan tawar). Antara kedua-duanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya.* Tafsir al-Quran (2010:520) menjelaskan bahawa Allah yang mengatur pertemuan timur dan barat. Menurut tafsir ulama, pertemuan dua timur adalah musim panas dan musim dingin. Pertemuan laut masin dan tawar ini walaupun secara harfiah agak sukar diterima secara logik, namun itulah hakikat yang diciptakan oleh Allah SWT.

Perjalanan hidup manusia juga diatur mengikut ketentuan Allah. Setiap amal ibadat dan amalan manusia akan dihitung pada hari kiamat. Ini jelas dinyatakan dalam ayat 33 yang terjemahannya berbunyi "*Wahai sekelian jin dan manusia! Jika kamu dapat menembus penjuru langit dan bumi maka tembuslah. Kamu tidak akan dapat menembusnya melainkan dengan kekuatan. Akan dikirim kepada kamu nyalaan api dan kepulan asap, maka kamu tidak dapat melepaskan diri daripadanya,*" begitu juga ayat 37 yang terjemahannya berbunyi "*Maka (apabila kiamat datang) langit pecah-belah dan menjadi merah seperti minyak panas*". Begitulah hebatnya gambaran makna kiamat dan pembalasan Allah yang dinyatakan dalam surah tersebut. Neraka

digambarkan dengan satu gambaran makna yang begitu jelas dalam ayat 44 yang terjemahannya berbunyi “*Mereka berulang-ulang antara neraka dan air panas mendidih*”. Ayat ini juga menerangkan tentang akan berlakunya hari kiamat, di mana setiap amalan manusia akan dihitung. Keadaan dan suasana kiamat itu sendiri digambarkan dengan benda yang wujud di sekeliling manusia. *Nyalaan api, kepulan asap dan merah seperti minyak panas* adalah gambaran yang boleh dibayangkan oleh manusia melalui pengalaman hidup masing-masing.

Syurga turut digambarkan dengan memasukkan unsur alam yang begitu rapat dengan jiwa manusia. Penggunaan unsur alam seperti buah-buahan, sutera, dan permaidani menggambarkan maksud kesenangan dan keindahan kehidupan di syurga. Seperti dalam ayat 50, 52, dan 54 yang terjemahannya berbunyi “*Di dalam dua syurga itu ada dua buah mata air yang sentiasa mengalir. Di dalam dua syurga itu ada berbagai jenis buah-buahan yang berpasangan. Mereka berbaring di atas permaidani yang sebelah dalamnya dari sutera tebal. Buah-buahan dua syurga itu mudah untuk dipetik*”. Gambaran tentang kehidupan di syurga yang boleh dirasai oleh manusia di dunia ini menunjukkan bahawa Allah dengan segala rahmat-Nya yang dikurniakan kepada manusia adalah tidak terhitung. Terjemahan yang dibuat adalah mudah difahami oleh masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu bagi memahami isi kandungan al-Quran. Huraian yang dibuat tentang alam syurga yang diumpamakan dengan nikmat yang boleh di kecapi di dunia ini menjadi galakan kepada umat Islam untuk terus melakukan kebaikan. Seperti mana tafsir al-Quran (2010: 523) yang menyatakan bahawa “tiadalah balasan kebaikan, melainkan kebaikan pula, sebagai bukti bahawa mereka yang sangat banyak kebaikan akan beroleh balasan mengikut darjat masing-masing.

Secara keseluruhannya, makna yang ingin disampaikan oleh penterjemah dalam teks terjemahan yang dikaji dapat difahami oleh pengguna bahasa Melayu. Pemilihan kata yang digunakan bagi menggambarkan keindahan makna unsur alam secara umum boleh dihayati oleh pembaca. Namun begitu, ada beberapa pemilihan unsur alam yang boleh dibaiki bentuk bahasanya bagi menjelaskan lagi maksud yang ingin disampaikan dalam bahasa Melayu. Misalnya terjemahan ayat 33 yang dalam bahasa Melayu “*Wahai sekalian jin dan manusia! Jika kamu dapat menembus penjuru langit dan bumi maka tembuslah. Kamu tidak akan dapat menembusnya melainkan dengan kekuatan*”.

Konsep penjuru langit dan penjuru bumi dalam bahasa dan budaya masyarakat Melayu ini agak sukar ditafsirkan. Ditambah pula dengan penggunaan kata kerja “tembus” yang merupakan sesuatu yang tertutup yang perlu digali atau dicucuk untuk menghasilkan satu lubang untuk melepaskannya sama ada menggunakan senjata tajam, api ataupun apa saja. Ada pentafsir yang berpendapat bahawa ayat tersebut menggambarkan kepentingan ilmu pengetahuan, kekuatan yang dimaksudkan dalam ayat adalah merujuk kepada kekuatan akal fikiran.

Begitu juga terjemahan ayat 17 yang terjemahannya berbunyi “*Tuhan (yang menentukan) kedua-dua tempat terbit matahari dan tempat terbenamnya (pada musim panas dan musim sejuk) menggambarkan bahawa setiap kejadian itu ada titik permulaan dan akhirnya. Matahari yang terbit akan terbenam.*” Terjemahan ayat 17 ini jika dibaca secara literal akan menyebabkan pembaca memikirkan terdapat dua tempat terbit matahari yang berlaku pada musim panas dan musim sejuk. Namun maksud sebenar terjemahan ini ialah tentang peredaran terbit dan terbenam matahari yang berlaku dalam dua lingkungan dunia yang berbeza, iaitu ketika matahari terbit di timur, di barat matahari dalam keadaan terbenam, manakala ketika matahari terbit di barat pula, di timur matahari terbenam, yang mengikut kawasan peredaran bumi yang bulat.

Secara keseluruhan terjemahan bahasa Melayu surah ar-Rahman dapat membantu pembaca memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran dengan lebih jelas dan mendalam.

KESIMPULAN

Ayat-ayat yang digunakan dalam terjemahan surah ar-Rahman jelas menghuraikan tentang kekuasaan Allah SWT yang maha pencipta dan maha pemurah dalam menjadi alam dunia dan alam akhirat. Seperti mana kata Tenas Effendy (2008) bahawa

masyarakat Melayu amat mementingkan pemilihan kata dalam berbahasa. Menurut beliau “awal penggunaan kata berpunca dari gagasan yang ada dalam fikiran atau perasaan atau hati seseorang. Gagasan, fikiran atau niat atau suara hati itu membawa mereka kepada pemilihan kata sebagai symbol yang berlaku, atau isyarat yang lazim dipakai dalam masyarakatnya untuk melahirkan apa yang ada dalam fikiran dan hatinurannya. Pemilihan kata yang berkaitan dengan unsur alam yang amat dekat dengan jiwa dan pemikiran masyarakat Melayu dalam terjemahan surah ar-Rahman menjadikan isi kandungan surah ini dapat di hadam oleh pembaca dan juga pengamalnya. Alam yang dianggap sebagai sumber ilmu dalam masyarakat Melayu merupakan wadah penting dalam meneruskan kehidupan yang berlandaskan al-Quran dan hadis. Penterjemah yang menterjemah juga terikat dengan apa yang dikatakan sebagai gagasan, fikiran atau niat untuk memberi kefahaman kepada umat Islam untuk mendalami dan menghayati makna yang tersurat dan tersirat dalam al-Quran. Secara keseluruhan teks terjemahan surah ar-Rahman boleh difahami, namun pemilihan kata yang lebih halus dan indah juga mampu menjadikan pembaca teks lebih tertarik dan dapat menghayati makna yang terkandung di dalam kitab al-Quran itu sendiri.

RUJUKAN

- Al-Quran Al Karim. 2010. *Terjemahan Bahasa Melayu Berserta Keterangan Ayat, Rasm Uthmani*. Ipoh: Penerbit Bumicreative Sdn. Bhd.
- Imran Ho dan Ruzy Suliza Hashim. 2009. A cognitive semantics analysis of alam nature in Malay. *European Journal of Social Sciences* 8(1): 140-151.
- Muhammad Ariff Ahmad. 1991. Nilai hidup masyarakat Melayu. Dlm. *Dinamika Budaya*. Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura.
- Muhamad Hanapi Jamaludin. 2015. Hamka dan Falsafah Tinggi, Pendekatan Ammi. Dlm. *Diaspora Adat dan Kekerabatan Alam Minangkabau; Sebuah kepelbagaian kajian pemikiran*, disunting Abdul Razak Salleh et al. Jakarta: Penerbit Kemala Indonesia.
- Nidia Zuruya. 2012. Jejak Penerjemahan Al-Quran di Indonesia. Di laman web <http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/khazanah/12/04/17/m2mmqq-jejak-penerjemahan-alquran-di-indonesia>. Diakses pada 25 September 2017.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad & Anida Binti Sarudin. 2011. Daripada 'alam darjat' kepada 'alam fizikal': Analisis Semantik Kognitif, dalam *Jurnal Melayu* 8: 1-26.
- Tenas Effendy. 2010. *Kearifan Pemikiran Melayu*. Pekan Baru: Penerbitan Yayasan Tenas Effendy.
- Zainal Kling. 2004. Adat Melayu. Dlm. *Kepimpinan Adat Perkawinan Melayu Melaka*, disunting Abdul Latiff Abu Bakar dan Hanipah Hussin (ed.) Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.

Sumber Internet

- Sejarah Penerjemahan Al-Qur'an dalam <http://sufistik.com/sejarah-penerjemahan-al-Quran/#> diakses pada 10 Ogos 2016, 8 malam.
- Surah Ar-Rahmaan dalam <http://www.surah.my/55>. Diakses pada 15 Julai 2016, 8 malam.
- Surah Ar-Rahman dalam https://ms.wikipedia.org/wiki/Surah_Ar-Rahman. Diakses pada 15 Julai 2016, jam 9 malam.

Salinah Jaafar
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Malaysia
E-mel: b1salina@um.edu.my

Diserahkan: 12 April 2017
Diterima: 11 Oktober 2017

Lampiran.

Terjemahan Surah ar-Rahman

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi

1. *(Tuhan) Yang Maha Pemurah.*
2. *Dialah telah mengajarkan al-Quran.*
3. *Dia telah menciptakan manusia.*
4. *Dia mengajarnya pandai berbicara.*
5. *Matahari dan bulan beredar menurut perhitungan.*
6. *Dan tumbuh-tumbuhan dan pohon-pohon tunduk kepadaNya.*
7. *Dan langit ditinggikanNya dan diletakkanNya neraca keadilan.*
8. *Supaya kamu jangan melanggar neraca keadilan.*
9. *Dan tegakkanlah timbangan itu dengan adil. Dan janganlah kamu mengurangi timbangan.*
10. *Dan bumi dihamparkanNya untuk makhlukNya.*
11. *Di bumi itu ada buah-buahan dan pohon kurma yang mempunyai kelopak mayang.*
12. *Dan biji-biji ada kulitnya dan ada bunga yang harum.*
13. *Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?*
14. *Dia telah menciptakan manusia dari tanah liat seperti tembikar.*
15. *Dan Dia menciptakan jin daripada lidah api.*
16. *Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?*
17. *Tuhan(yang menentukan) kedua-dua tempat terbit matahari dan kedua tempat terbenamnya (pada musim panas dan musim sejuk).*
18. *Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?*
19. *DibiarkanNya dua laut itu bertemu (laut masin dan tawar).*
20. *Antara kedua-duanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya.*
21. *Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?*
22. *Dari kedua (laut itu) keluar mutiara dan marjan.*
23. *Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?*
24. *Dan kepunyaaNyalah bahtera-bahtera yang belayar di lautan laksana gunung-ganang.*
25. *Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?*
26. *Semua orang yang ada di muka bumi ini akan musnah.*
27. *Dan zat Tuhan kamu yang Besar lagi Mulia akan tetap tinggal.*
28. *Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?*
29. *Sekelian makhluk yang ada di langit dan di bumi selalu meminta kepadaNya. Setiap waktu Ia di dalam urusanNya.*
30. *Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?*
31. *Kami akan menguruskan (perhitungan amal kamu) wahai manusia dan jin.*
32. *Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?*
33. *Wahai sekalian jin dan manusia! Jika kamu dapat menembus penjuru langit dan bumi maka tembuslah. Kamu tidak akan dapat menembusnya melainkan dengan kekuatan.*
34. *Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?*
35. *Akan dikirm kepada kamu nyalaan api dan kepulan asap, maka kamu tidak dapat melepaskan diri daripadanya.*

36. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
37. Maka (apabila kiamat datang) langit pecah-belah dan menjadi merah seperti minyak panas.
38. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
39. Pada hari itu manusia dan jin tidak ditanya dosanya (kerana sudah diketahui).
40. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
41. Orang-orang berdosa dikenali melalui tanda-tandanya, lalu dipegang ubun-ubun dan kakinya.
42. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
43. Inilah neraka Jahannam yang didustakan orang-orang berdosa.
44. Mereka berulang-ulang antara neraka dan air panas mendidih.
45. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
46. Dan bagi orang yang takut akan saat menghadap Tuhannya ada dua syurga (tersedia baginya).
47. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
48. (Di dalam kedua-duanya) ada berjenis-jenis pohon dan buah-buahan.
49. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
50. Di dalam dua syurga itu ada dua buah mata air yang sentiasa mengalir.
51. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
52. Di dalam dua syurga itu ada berbagai jenis buah-buahan yang berpsangan.
53. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
54. Mereka berbaring di atas permaidani yang sebelah dalamnya dari sutera tebal. Buah-buahan dua syurga itu mudah untuk dipetik.
55. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
56. Di dalam syurga itu ada gadis-gadis yang sopan dan suci. Mereka tidak pernah disentuh sebelumnya oleh manusia dan jin.
57. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
58. Mereka laksana permata delima dan marjan.
59. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
60. Balasan bagi perbuatan baik, kebaikan juga.
61. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
62. Dan selain dari dua syurga itu ada dua lagi syurga yang lain.
63. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
64. Tumbuh-tumbuhannya hijau tua warnanya (sedap dipandang mata).
65. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
66. Di dalam dua syurga itu memancar mata air.
67. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
68. Di dalam dua syurga itu ada bermacam-macam buah-buahan, kurma dan delima.
69. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
70. Di dalam syurga itu ada bidadari-bidadari yang cantik jelita.
71. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
72. (Bidadari-bidadari) yang cantik jelita (matanya ibarat bintang timur), suci bersih tetap tinggal di dalam rumah.
73. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
74. Mereka tidak pernah disentuh sebelumnya oleh manusia dan jin.
75. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?
76. Mereka bersandar pada bantal-bantal yang hijau dan permaidani yang indah sekali.
77. Maka nikmat Tuhan yang manakah yang kamu dustakan?

78. Maha Agung nama Tuhan kamu Yang Mempunyai Kebesaran dan Kehormatan.

<http://www.surah.my/55>.

Surah ar-Rahmaan -

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

الرَّحْمٰنُ ﴿١﴾

(Tuhan) Yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmatNya.

عَلَّمَ الْقُرْآنَ ﴿٢﴾

Dia lah yang telah mengajarkan al-Quran.

خَلَقَ الْاِنْسَانَ ﴿٣﴾

Dia lah yang telah menciptakan manusia; -

عَلَّمَهُ الْبَيَانَ ﴿٤﴾

Dia lah yang telah membolehkan manusia (bertutur) memberi dan menerima kenyataan.

الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ بِحُسْبَانٍ ﴿٥﴾

Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu;

وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ ﴿٦﴾

Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pohon-pohon kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturanNya.

وَالسَّمَاءَ رَفَعَهَا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ ﴿٧﴾

Dan langit dijadikannya (bumbung) tinggi, serta Ia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan,

اَلَّا تَطْغَوْا فِي الْمِيزَانِ ﴿٨﴾

Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan;

وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ ﴿٩﴾

Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang.

وَالْاَرْضَ وَضَعَهَا لِلْاَنَامِ ﴿١٠﴾

Dan bumi pula dijadikannya rata untuk kegunaan manusia dan makhluk-makhlukNya yang lain:

فِيهَا فَكِهَةٌ وَالنَّخْلُ ذَاتُ الْاَكْمَامِ ﴿١١﴾

Terdapat padanya berbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon kurma yang ada kelopak-kelopak mayang;

وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ ﴿١٢﴾

Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun, dan terdapat lagi bunga-bunga yang harum;

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٣﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?

خَلَقَ الْاِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ كَالْفَخَّارِ ﴿١٤﴾

Ia menciptakan manusia (lembaga Adam) dari tanah liat kering seperti tembikar,

وَخَلَقَ الْجَانَّ مِنْ مَّارِجٍ مِنْ نَّارٍ ﴿١٥﴾

Dan Ia telah menciptakan jin dari lidah api yang menjulang-julang;

فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٦﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

رَبُّ الْمَشْرِقَيْنِ وَرَبُّ الْمَغْرِبَيْنِ ﴿١٧﴾

(Dia lah) Tuhan yang mentadbirkan dua timur, dan Tuhan yang mentadbirkan dua barat.

فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٨﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ ﴿١٩﴾

Ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu;

بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَبْغِيَانِ ﴿٢٠﴾

Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya;

فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢١﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

يَخْرُجُ مِنْهُمَا اللُّؤْلُؤُ وَالْمَرْجَانُ ﴿٢٢﴾

Dari kedua laut itu, keluar mutiara dan marjan;

فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٣﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

وَلَهُ الْجَوَارِ الْمُنشَآتُ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَامِ ﴿٢٤﴾

Dan Dia lah yang menguasai kapal-kapal yang belayar di laut, yang kembang tinggi layarnya seperti gunung-ganang;

فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٥﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾

Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa:

وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

Dan akan kekalah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan:

فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٨﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

يَسْطُرُهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلُّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَأْنٍ ﴿٢٩﴾

Sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sentiasa berhajat dan memohon kepadaNya. Tiap-tiap masa Ia di dalam urusan (mencipta dan mentadbirkan makhluk-makhlukNya)!

﴿٣٠﴾ فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan)?

﴿٣١﴾ سَنَفْرُغُ لَكُمْ أَيُّهَ الثَّقَلَانِ

Kami hanya akan menguruskan hitungan dan balasan amal kamu sahaja (pada hari kiamat,) wahai manusia dan jin!

﴿٣٢﴾ فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

يَدْمَعُونَ الْجِينَ وَالْإِنْسَ إِنِ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَانٍ ﴿٣٣﴾

Wahai sekalian jin dan manusia! Kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi (untuk melarikan diri dari kekuasaan dan balasan Kami), maka cubalah kamu menembus keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan (yang mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat)!

﴿٣٤﴾ فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

﴿٣٥﴾ يُرْسَلُ عَلَيْكُمَا شَوْابُ مِّنْ نَّارٍ وَنُحَاسٌ فَلَا تَنْتَصِرَانِ

Kamu (wahai golongan yang kufur ingkar dari kalangan jin dan manusia) akan ditimpakan dengan api yang menjulang-julang dan leburan tembaga cair (yang membakar); dengan yang demikian, kamu tidak akan dapat mempertahankan diri (dari azab seksa itu);

﴿٣٦﴾ فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

﴿٣٧﴾ فَإِذَا انشَقَّتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَالدِّهَانِ

Selain itu (sungguh ngeri) ketika langit pecah-belah lalu menjadilah ia merah mawar, berkilat seperti minyak;

﴿٣٨﴾ فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

﴿٣٩﴾ فَيَوْمَئِذٍ لَا يُسْأَلُ عَنْ ذَنْبِهِ إِنْسٌ وَلَا جَانٌّ

Pada masa itu tiada sesiapaupun, sama ada manusia atau jin, yang akan ditanya tentang dosanya (kerana masing-masing dapat dikenal menurut keadaannya);

﴿٤٠﴾ فَبِأَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

يُعْرَفُ الْمُجْرِمُونَ بِسِيمَاهُمْ فَيُؤْخَذُ بِالْأَنفُسِ وَالْأَقْدَامِ ﴿٤١﴾

Orang-orang yang berdosa dapat dikenal dari tanda-tandanya, lalu dipegang dari atas kepala dan kakinya (serta diseret ke neraka);

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٤٢﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

هَٰذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي يُكَذِّبُ بِهَا الْمُجْرِمُونَ ﴿٤٣﴾

(Lalu dikatakan kepada mereka): "Inilah neraka Jahannam yang selalu orang-orang yang berdosa mendustakannya".

يَطُوفُونَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ حَمِيمٍ ءَانِ ﴿٤٤﴾

Mereka (terus disiksa) berulang-ulang di antara api neraka dengan air yang menggelegak yang cukup masak panasnya!

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٤٥﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

وَلِمَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ جَنَّاتٌ ﴿٤٦﴾

Dan orang yang takut akan keadaan dirinya di mahkamah Tuhannya (untuk dihitung amalannya), disediakan baginya dua Syurga, -

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٤٧﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

ذَوَاتَا أَفْتَانٍ ﴿٤٨﴾

(Dua Syurga) yang ada berjenis-jenis pohon dan buah-buahan; -

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٤٩﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

فِيهِمَا عَيْنَانِ تَجْرِيَانِ ﴿٥٠﴾

Pada kedua-dua Syurga itu terdapat dua matair yang mengalir; -

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٥١﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan.

فِيهِمَا مِنْ كُلِّ فَاكِهَةٍ زَوْجَانِ ﴿٥٢﴾

Pada kedua Syurga itu terdapat dua macam dari tiap-tiap jenis buah-buahan (yang biasa dan yang luar biasa).

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٥٣﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

مُتَّكِنِينَ عَلَى فُرُشٍ بَطَائِنُهَا مِنْ إِسْتَبْرَقٍ وَجَنَّاتٍ دَائِرَاتٍ ﴿٥٤﴾

Mereka (bersenang-senang di tempat masing-masing dalam Syurga itu dengan) berbaring di atas hamparan-hamparan, yang lapisan-lapisan sebelah dalamnya - dari sutera tebal yang bersulam; dan buah-buahan kedua-dua Syurga itu dekat (kepada mereka) untuk dipetik.

﴿٥٥﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

﴿٥٦﴾ فِيهِنَّ قَنَاصِرٌ مِّنَ الْأَطْرَافِ لَمْ يَطْمِئِنَّ إِلَيْهِمْ فَبَلَّغَهُمْ وَلَا جِئَانٌ

Di dalam Syurga-syurga itu terdapat bidadari-bidadari yang pandangannya tertumpu (kepada mereka semata-mata), yang tidak pernah disentuh sebelum mereka oleh manusia dan jin;

﴿٥٧﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

﴿٥٨﴾ كَأَنَّهُنَّ الْيَاقُوتُ وَالْمَرْجَانُ

Bidadari-bidadari itu (cantik berseri) seperti permata delima dan marjan.

﴿٥٩﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

﴿٦٠﴾ هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَنِ إِلَّا الْإِحْسَنُ

Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik - melainkan balasan yang baik juga?

﴿٦١﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

﴿٦٢﴾ وَمِنْ دُونِهِمَا جَنَّاتٌ

Dan selain dari dua Syurga itu, dua Syurga lagi (untuk menjadi balasan bagi golongan peringkat yang kedua);

﴿٦٣﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

﴿٦٤﴾ مُدَّةً أَمَّتَانِ

Kedua-duanya menghiijau subur tanamannya;

﴿٦٥﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

﴿٦٦﴾ فِيهِمَا عَيْنَانِ نَضَّاخَتَانِ

Dalam kedua-dua Syurga itu terdapat dua matair yang terus menerus memancutkan airnya:

﴿٦٧﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

فِيهِمَا فُكَيْهَةٌ وَنَخْلٌ وَرُمَّانٌ ﴿١٨﴾

Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon kurma dan delima,

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٩﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

فِيهِنَّ خَيْرَاتٌ حَسَنَاتٌ ﴿٢٠﴾

Dalam kedua-dua Syurga itu juga terdapat (teman-teman) yang baik akhlaknya, lagi cantik parasnya;

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢١﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

حُورٌ مَّقْصُورَاتٌ فِي الْبَيْتِ ﴿٢٢﴾

Ia itu bidadari-bidadari, yang hanya tinggal tetap di tempat tinggal masing-masing;

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٣﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

لَمْ يَطْمِئْتُهُنَّ بِشَيْءٍ قَبْلَهُمْ وَلَا جِآنٌ ﴿٢٤﴾

(Bidadari-bidadari itu) tidak pernah disentuh sebelum mereka oleh manusia dan tidak juga oleh jin;

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٥﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

مُتَكَبِّرِينَ عَلَى زُرْفٍ خَضِرٍ وَعَبَقَرِيٍّ حَسَانٍ ﴿٢٦﴾

Penduduk Syurga itu (bersenang-senang di dalamnya dengan) berbaring di atas (bantal-bantal dan) cadar-cadar yang hijau warnanya serta permaidani-permaidani yang sangat indah.

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٧﴾

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

تَبَرَّكَ اسْمُ رَبِّكَ ذِي الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ﴿٢٨﴾

Maha Sucilah nama Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan.